

23 NOV 2000

MAHATHIR-KDNK

KDNK SUKU KETIGA DIJANGKA MELEBIHI TUJUH PERATUS, KATA PM

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku ketiga dijangka melebihi tujuh peratus, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, "Saya fikir (KDNK) suku ketiga harus lebih dari tujuh peratus."

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan seminar kebangsaan mengenai "Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran-ajaran Sesat", Dr Mahathir berkata suku ketiga "kelihatan baik".

Bagaimanapun, katanya ia tidak akan setinggi yang telah dicapai dibandingkan suku pertama tahun ini. Malaysia mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 11.9 peratus dalam suku pertama dan 8.8 peratus dalam suku kedua.

"Suku pertama adalah tinggi kerana suku pertama tahun lalu adalah amat rendah dan adalah mudah bagi kita mengatasi angka itu," jelas beliau.

Dr Mahathir, bagaimanapun, berkata suku-suku kedua, ketiga dan keempat tahun 1999 adalah juga agak baik.

Katanya Malaysia boleh mencapai ramalan pertumbuhan KDNKnya 7.5 peratus bagi seluruh tahun ini seperti diumumkan oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin baru-baru ini.

Kepada satu soalan sama ada Lembaga Tabung Haji (LTH) akan membeli kepentingan di dalam Malaysia Airlines, Dr Mahathir berkata, "saya tidak fikir mereka (Tabung Haji) akan membeli tetapi orang ramai melihat-lihat dan membuat saranan.

"Tabung Haji menggunakan perkhidmatan Malaysian Airlines tetapi Tabung Haji bukanlah pengendali syarikat penerbangan. Ia adalah "Tabung Haji" dan ia tidak akan membeli mana-mana kapal terbangpun," tegas perdana menteri.

-- BERNAMA

WNZ SHY OS